

KEDAH TUA SEBAGAI PELABUHAN KUNO PERDAGANGAN ANTARABANGSA ANTARA ABAD KE-2M SEHINGGA 13M: LAMBANG KETAMADUNAN BANGSA MELAYU

NOOR SYAHIDAH MOHAMAD AKHIR

Universiti Teknologi Mara

noorsyahidah9177@uitm.edu.my

*SYAIMAK ISMAIL**

Universiti Teknologi Mara

syaimak@uitm.edu.my

AEMY AZIZ

Universiti Teknologi Mara

aemy@uitm.edu.my

MUHAMMAD SAIFUL ISLAM ISMAIL

Universiti Teknologi Mara

saifulislam@uitm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kedah Tua merupakan sebuah kerajaan Melayu lama yang wujud sejak zaman protosejarah lagi. Penemuan pelbagai artifak dan candi oleh pengkaji arkeologi antaranya tapak ritual, tapak peleburan besi dan pelabuhan kuno membuktikan masyarakat Kedah Tua mempunyai peradaban yang tinggi. Justeru, kajian ini telah menarik perhatian pengkaji untuk menfokuskan faktor kemunculan Kedah Tua sebagai pelabuhan kuno perdagangan antarabangsa antara abad ke-2 masih sehingga abad ke-13 masih. Periodisasi sepanjang 1100 tahun ini menyaksikan era kecemerlangan kerajaan Kedah Tua khususnya dari aspek perdagangan dengan tamadun luar antaranya China, India dan Arab. Kajian konseptual ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan metod sejarah. Tinjauan literatur terhadap kajian-kajian arkeologi dianalisis dan ditulis berdasarkan intrepretasi sejarah. Hasil kajian ini mendapatkan kedudukan geografi Kedah Tua, sistem transaksi perdagangan yang cekap, naungan kekuasaan empayar dan hasil komoditi tempatan menjadi pemanca kepada faktor kemunculan Kedah Tua sebagai pelabuhan kuno perdagangan antarabangsa antara abad ke-2 masih sehingga abad ke-13 masih. Implikasi penyelidikan ini meningkatkan jatidiri bangsa Melayu rentetan pembuktian kajian bahawa masyarakat Kedah Tua sebagai tamadun bangsa yang hebat.

Kata kunci: Perdagangan antarabangsa; Pelabuhan; Kedah Tua; Lembah Bujang; tamadun

KEDAH TUA AS AN ANCIENT PORT OF INTERNATIONAL TRADE BETWEEN 2ND TO 13TH CENTURY: SYMBOL OF NATIONAL CIVILIZATION

ABSTRACT

Kedah Tua is an old Malay kingdom that has existed since prehistoric times. Archaeologists discovered various artefacts and temples, such as ritual sites, iron smelting sites, and ancient ports, proving that the people of Kedah Tua had a high civilization. Thus, this study has attracted researchers' attention to the factors that led to the emergence of Kedah Tua as an ancient port of international trade between the 2nd century AD and the 13th century AD. This periodization of 1100 years saw the era of excellence of the Old Kedah government, especially in terms of trade with foreign civilizations such as China, India, and Arabia. This conceptual study uses a qualitative method by applying historical methods. A literature review of archaeological studies is analysed and written based on historical interpretation. The results of this study found that the geographical position of Kedah Tua, an efficient trade transaction system, the patronage of imperial power and local commodity revenue were the drivers of the emergence of Kedah Tua as an ancient port of international trade between the 2nd century AD and the 13th century AD. The implications of this research are to enhance the identity of the Malay race.

Keywords: International trade; port; Kedah Tua; Lembah Bujang; civilization.

PENDAHULUAN

Kedah Tua merupakan sebuah kerajaan Melayu lama yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan ini turut mewarnai perkembangan tamadun Melayu di Nusantara sejak era protosejarah lagi. Masyarakat tempatan dilihat mempunyai budaya tinggi, kemahiran dan kemajuan teknologi tersendiri dari segi pembuatan barang, perkhidmatan, perniagaan dan perdagangan. Rentetan faktor serantau menyebabkan Kedah Tua mengamalkan dasar maritim yang berpaksikan ekonomi perdagangan dan perniagaan dengan masyarakat luar. Hubungan perdagangan dan perniagaan ini tidak hanya berlaku antara kerajaan-kerajaan Melayu Nusantara sahaja sebaliknya hubungan erat dengan tamadun luar khususnya China, India dan Arab.

Perkembangan budaya dan pemikiran masyarakat di Kedah Tua sejak awal abad masih menjadi suatu keistimewaan berbanding kerajaan Melayu lain di Tanah Melayu. Kebanyakan kajian kerajaan Melayu menfokuskan kepada kerajaan Melayu Melaka, sedangkan kerajaan Kedah Tua dilihat turut mempunyai warisan ketamadunan yang hebat dan jauh lebih awal sebelum kerajaan Melayu Melaka lagi. Bermula abad ke-2 masih, perkembangan perdagangan dan perniagaan di Kedah Tua telah bergiat aktif (Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, et.al., 2008). Kajian arkeologi membuktikan wujud pelabuhan kuno di lembah-lembah sungai yang menjadi saksi kepesatan perdagangan suatu ketika dahulu (Mohd Hasfarisham Abd. Halim, Suhana Yusof, et.al., 2011).

Kearifan tempatan masyarakat Kedah Tua merupakan kemahiran yang agak berbeza dengan kerajaan Melayu lain. Kemahiran dan teknologi dalam peleburan besi, batu bata dan

tembikar tanah antaranya membuktikan kehidupan masyarakat bertamadun tinggi sejak awal abad masih lagi. Kedah Tua menjadi pengeluar komoditi pada era tersebut dengan memperdagangkan pelbagai barang ke tamadun-tamadun lain. Hasil interaksi tersebut dilihat memajukan lagi ekonomi kerajaan Kedah Tua. Transaksi yang digunakan di pelabuhan Kedah Tua menggunakan matawang bagi memudahkan urusan perniagaan dan perdagangan. Era kegemilangan kerajaan Kedah Tua berlangsung sehingga antara abad ke-13 dan 14 masih (Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, et.al., 2008). Kedah Tua pernah mengalami zaman kejatuhan disebabkan beberapa faktor. Walau bagaimanapun, kerajaan Kedah Tua tetap wujud walaupun kurang gemilang seperti era sebelumnya. Pensejarahan Kedah mula mendapat nafas baharu setelah kemasukan Islam, walau bagaimanapun ia tidak termasuk dalam skop perbahasan artikel ini.

METODOLOGI PENYELIDIKAN


Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif dan memfokuskan kepada penulisan sekunder untuk mendapatkan bahan berkaitan penyelidikan. Penyelidikan ini juga memberi tumpuan kepada data primer terutamanya penyelidikan lapangan yang pernah djalankan oleh pengkaji sebelum ini sebagai sumber utama kepada rangka penulisan. Maklumat dan data kajian yang diperolehi ini dianalisa mengikut kaedah deskriptif dan diperincikan kandungannya mengikut sumbangan dan kedudukan kerajaan Kedah Tua sebagai Pelabuhan antarabangsa.

KEDUDUKAN STRATEGIK PEMANGKIN PELABUHAN KUNO DI KEDAH TUA

Kedah Tua lebih sinonim dengan panggilan Lembah Bujang. Kedudukan Lembah Bujang meliputi Lembah Sungai Muda di Selatan sehingga Lembah Sungai Sala di Utara. Kini ia merangkumi kawasan daerah Seberang Perai Utara, Kuala Muda, Yan dan Kota Setar (Nasha Rodziadi Khaw, 2011). Terdapat juga pendapat yang mengatakan panggilan Lembah Bujang sebenarnya merupakan istilah baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 1970 yang merujuk kepada kerajaan Kedah Tua (Zuliskandar Ramli, 2020). Istilah Lembah Bujang ini disandarkan kepada kepelbagaian penemuan arkeologi, arca agama dan seramik yang ditemui di sepanjang Sungai Bujang.

Kedudukan strategik dan bentuk muka bumi dilihat menjadi salah satu faktor pemangkin kepada kemajuan Kedah Tua. Kedah Tua terletak berhampiran laut, selat dan kuala yang merupakan kawasan strategik untuk laluan kapal dan tempat persinggahan kapal dagang. Kawasan strategik ini terlindung daripada angin monsun Timur Laut (Jun-September) dan monsun Barat Daya (Oktober-Mac) (Tatiana A. Denisova, 2011). Kedudukan Kedah Tua terletak di Selat Melaka yang merupakan laluan penghubung antara India dan China (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, et.al, 1992) (Rujuk peta 1).


Ia menjadi tempat persinggahan pertama bagi para pedagang dari Teluk Benggala, India dan tempat persinggahan terakhir bagi pedagang dari timur yang akan berlayar ke Teluk Benggala, India (Zuliskandar Ramli 2016). Pelabuhan di Kedah Tua menjadi tempat pertengahan antara timur dan barat. Kebiasaan para pedagang yang singgah di sini akan mendapatkan bekalan makanan, air bersih, memperbaiki kapal dan pertukaran barang dagangan. Di samping itu, ia dikatakan jalan pintas untuk ke pelabuhan kerajaan-kerajaan lain seperti Langkasuka dan Srivijaya (Faramasrine Mat Nawi, et.al., 2011).



PETA 1: Peta India, China dan Teluk Bengal
Sumber: Olahan semula daripada peta kosong google map.

Selain bentuk muka bumi berselat, kedudukan Kedah Tua yang mempunyai beberapa buah kuala dan sungai menjadi penghubung antara kawasan pedalaman dengan pesisir pantai sehingga Kedah Tua muncul sebagai pelabuhan entrepot. Dalam *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mencatatkan Qalha merupakan tempat pertemuan empat buah kuala sungai iaitu Sungai Qilah (Sungai Merbok), Kuala Bahang (Kuala Kedah), Kuala Merpah (Kuala Murpah) dan Kuala Bara (Jelani Harun, 2017). Namun, pemangkin utama kepada kewujudan pelabuhan purba Kedah Tua adalah Lembah Muda (Nuratikah Abu Bakar et.al, 2018) dan Lembah Merbok. Kedua-dua lembah ini berhubung dengan sungai-sungai sehingga wujudnya penempatan masyarakat protosejarah (Zuliskandar Ramli, 2020). Sungai Batu, Sungai Bujang, Sungai Merbok kecil dan Sungai Terus merupakan cabang sungai dari Lembah Sungai Merbok yang mempunyai tinggalan arkeologi purba menunjukkan adanya penempatan dan hubungan dengan tamadun luar (Nasha bin Rodziadi Khaw 2011). Begitu juga dengan Sungai Mas yang merupakan cabang sungai dari Lembah Sungai Muda telah mempunyai peradaban awal (Nuratikah Abu Bakar, et.al, 2018). (Rujuk peta 2)

Penemuan arkeologi dari aspek binaan jeti atau pangkalan menguatkan Kedah Tua menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan dengan masyarakat luar sekitar tahun 269M lagi (Mohd Hasfarisham Abd. Halim, Suhana Yusof, et.al, 2011). Kedudukan Kedah Tua yang terletak di laut lepas juga memudahkan para pedagang untuk singgah sebentar sebelum meneruskan pelayaran. Pelabuhan yang terletak di laut lepas adalah pelabuhan Sungai Mas. Adalah tidak mustahil jika Sungai Mas muncul sebagai entrapot terawal berbanding Pengkalan Bujang. Walaupun ia menjadi suatu perbahasan dalam kalangan sarjana berhubung dua pelabuhan ini, namun Sungai Mas dipercayai merupakan entrapot terawal di Kedah Tua. Ini disokong oleh penemuan arkeologi berbentuk inskripsi, seramik dari luar seawal abad lagi. Sungai Mas dilihat sebagai pelabuhan entrapot bermula abad ke-2 masih dan sebagai pusat pemerintahan Kedah Tua pada abad ke-5 masih (Nuratikah Abu Bakar, Zuliskandar Ramli et.al, 2018).



PETA 2: Sungai-sungai di Lembah Bujang
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah

Pelabuhan Sungai Mas di Lembah Sungai Muda lebih pesat sehingga abad ke-10 masih berbanding Pengkalan Bujang di Lembah Sungai Merbok. Kapal-kapal dagang lebih mudah untuk singgah di sini kerana menghadap laut lepas (Nasha Rodziadi Khaw & Nazarudin Zainun, et.al, 2008). Walau bagaimanapun, kapal-kapal dagang mula beralih ke Pengkalan Bujang di Lembah Merbok pada abad ke-10 masih hingga antara abad ke-13 dan 14 masih (Nuratikah Abu Bakar & Zuliskandar Ramli, 2018). Peningkatan jumlah kapal dagang di Sungai Mas telah menyebabkan kepadatan sehingga menyebabkan kapal-kapal dagang mula beralih ke Pengkalan Bujang pada abad ke-10 masih (Zuliskandar Ramli, 2020). Ini dibuktikan dengan penemuan seramik dari Dinasti Tang abad ke-7 hingga 10 masih lebih banyak ditemui di Sungai Mas berbanding di Pengkalan Bujang. Manakala seramik abad ke-10 masih lebih banyak ditemui di Pengkalan Bujang berbanding Sungai Mas (Nuratikah Abu Bakar & Zuliskandar Ramli, 2018).

Bentuk muka bumi bergunung dan berbukit juga mempengaruhi perkembangan pelabuhan di Kedah Tua. Gunung Jerai berketinggian 1300 meter adalah bahagian tertinggi di Kedah Tua. (Faramasrine Mat Nawi et.al, 2011). Menurut Allen (1988) terdapat rumah api atau tempat pemujaan di puncak gunung Jerai yang menjadi tempat strategik untuk memantau keseluruhan Lembah Bujang kerana kedudukannya yang tinggi. Terdapat beberapa bukit utk menyokong pendapat ini antaranya Bukit Penjara dan Bukit Batu Lintang yang memiliki kubu dah rumah api sebagai panduan kapal dagang. Bukit Penjara sebagai tempat memantau kapal dagang yang memasuki Lembah Sungai Merbok, manakala Bukit Batu Lintang memantau kapal-kapal yang memasuki Sungai Terus yang menghubungkan Sungai Mas dan Sungai Sireh (Azlin Samsudin, Tarmiji Masron et.al, 2010).

HUBUNGAN SOSIOPOLITIK PEMACU EKONOMI DI KEDAH TUA

Kerajaan-kerajaan Melayu lama di Nusantara kebiasaannya dinaungi oleh empayar-empayar besar yang lebih berpengaruh. Kedah Tua juga tidak terlepas daripada naungan kekuasaan tersebut. Empayar-empayar besar sedaya upaya mengawal aktiviti perdagangan di pelabuhan Kedah Tua. Secara tidak langsung, penguasaan dan dasar yang dijalankan oleh empayar-empayar besar ini memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti perdagangan dan perniagaan di Kedah Tua. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan maju boleh dilihat sehingga antara abad ke-11 hingga ke 13 masihi (Leong, S. H. 1990). Bermula pada abad ke-2 masihi, Kedah Tua telah dinaungi oleh Kerajaan Funan yang mengamalkan dasar maritim dan aktiviti pertanian. Kerajaan ini mengawal laluan perdagangan serta mengawal aliran komoditi dari China dan India. Pada abad ke-7 masihi, kerajaan Srivijaya mula menguasai Kepulauan Melayu (Rodziadi Khaw, Nazaruddin Zainun, et.al, 2015). Dasar yang dilaksanakan oleh Srivijaya adalah memastikan kapal dagang yang melalui Selat Melaka singgah di pelabuhan-pelabuhan yang dikuasainya. Secara tidak langsung, ia menjadi pemangkin ekonomi khususnya di pelabuhan Kedah Tua (Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, et.al, 2008).

Pada abad ke-8 masihi, kerajaan Mataram mengambil alih kekuasaan. Namun, ia tidak begitu lama setelah kekuasaan tersebut diambil alih oleh kerajaan Suvarnabumi pada abad ke-9 masihi. Pada abad ke-14 masihi memperlihatkan perubahan politik ketara yang menyaksikan keruntuhan kerajaan-kerajaan tradisional Hindu Buddha (Rodziadi Khaw, Nazaruddin Zainun, et.al, 2015). Kerajaan Melayu Islam khususnya Kerajaan Melayu Melaka mula menguasai Selat Melaka pada abad ke-15 masihi. Kerajaan Melaka dilihat pula menguasai perdagangan pada abad tersebut. Kepesatan aktiviti perdagangan dan perniagaan Kedah Tua adalah kesan daripada empayar-empayar yang menaungi kerajaan ini. Turun naik aktiviti di pelabuhan ini sangat berkait rapat dengan percaturan empayar-empayar besar (Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, et.al, 2009) . Kesan daripada dasar yang dijalankan membuka peluang kepada kerajaan Kedah Tua menjalankan hubungan diplomatik dengan tamadun luar khususnya China dan India.

Hubungan rapat antara India dan Kedah Tua dapat dibuktikan melalui jumlah rekod-rekod bertulis yang dihasilkan oleh para pedagang, pengembara, dan penyair-penyair India seperti Pattinappalai, dan Sillappadikaram (Braddell, R., 1989). Sumber India lebih banyak memberi keutamaan kepada pelabuhan Kedah Tua disebabkan oleh faktor lokasi pelabuhan Kedah Tua. Bermula dari hubungan perdagangan inilah membentuk hubungan diplomatik secara langsung melalui Raja Rajaraja I dari Kerajaan Chola, India pada sekitar tahun 1006 masihi Rodziadi Khaw, Nazaruddin Zainun, et.al, 2017). Hubungan diplomatik di antara China dan Kedah Tua pula dapat buktikan melalui penemuan artifak antaranya seramik-seramik yang ditemui di Sungai Mas. Penemuan ia membuktikan Kedah Tua sebagai pusat perdagangan bebas khusunya pada abad ke-7 masihi (Nik Abd Rahman dan Kamaruddin Zakaria, 1993). Jalinan perdagangan inilah menjadi kelangsungan hubungan diplomatik melalui bukti penghantaran ufti dari Kedah Tua ke China pada tahun 638 masih (Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman dan Othman Mohd Yatim, 1992). Penemuan seramik Song-Yuan, manik, monumen Candi Hindu-Buddha, manik, dan cebisan logam serta ukiran batu oleh ahli arkeologi menunjukkan hubungan diplomatik juga pernah berlaku di sini.

KAEDAH SISTEMATIK TRANSAKSI DI KEDAH TUA

Kedah Tua merupakan sebuah kerajaan maritim yang bergantung kepada faktor persekitaran ekonomi serantau. Kebiasaannya melibatkan dasar perdagangan, laluan perdagangan dan komoditi barang (J. Kothirithomby-Wells, 1990). Hubungan perdagangan di pelabuhan Kedah Tua

melibatkan hubungan dengan tamadun-tamadun luar (J.C. Van Leur, 1965). Hubungan dengan tamadun luar sudah tentu memberi impak positif terhadap kaedah transaksi di pelabuhan Kedah Tua. Kedah Tua pada awalnya menggunakan sistem barter sebagai kaedah transaksi pertukaran barang. Sistem ini dilihat tidak sistematik kerana sering menimbulkan masalah sewaktu proses jual beli. Kepesatan perdagangan juga membawa kepada penggunaan sistem sukat. Bentuk sistem sukatan yang digunakan pada ketika itu adalah seperti kapal, cupak, gantang, gahara, kunca, tahlil dan naleh (Anita Adnan, 2017). Kebiasaannya barang yang ingin ditukarkan dinilai terlebih dahulu mengikut pengiraan sistem barter. Antara pengiraan tersebut adalah dua tong beras bersamaan dengan 2 tahlil perak, manakala sepuluh tong beras bersamaan 1 tahlil emas (Kenneth R. Hall, 1985).

Hasil interaksi dengan pedagang luar, Kedah Tua juga dilihat mempunyai matawang sendiri sebagai kaedah transaksi perniagaan secara telus. Matawang pertama diperkenalkan adalah kulit siput geweng yang digunakan sejak abad ke-3 masihi. Penilaian matawang ini bergantung kepada saiz kulit siput berkenaan. Terdapat juga penggunaan kulit siput jenis garus yang diimport daripada Pulau Maldives dan Borneo (Salmi Edawati Yaakob, 2009). Penggunaan matawang Kedah Tua dilihat mengalami peningkatan yang lebih baik dari masa ke semasa. Penggunaan matawang kulit siput digantikan pula dengan matawang tera atau terayang iaitu matawang jenis pecahan kecil. Matawang ini diperbuat daripada bijih timah. Terdapat juga matawang berbentuk lembu diperbuat daripada emas yang melambangkan pemerintahan Hindu Buddha dan juga matawang berbentuk ayam yang digunakan selepas kemasukan Islam di Kedah (Anita Adnan, 2017).

Sistem jual beli adalah mengikut nilaiann kadar barang jualan. Barang yang rendah nilaiannya boleh dilihat pada matawang bijih timah yang kurang padat dan sekiranya nilaiann barang yang diperdagangkan itu tinggi harganya, matawang yang diperbuat daripada bijih timah tersebut lebih berat dan padat (Kenneth R. Hall, 1985). Lembah Bujang sememangnya terkenal dengan penghasilan bijih timah, sehubungan itu sumber untuk menghasilkan matawang ini mudah diperolehi dan perusahaan ini sangat aktif di kawasan hilir Sungai Semeling (Zuliskandar Ramli, 2020). Peralihan masa merancakkan lagi urusan perdagangan di pelabuhan Kedah Tua dan hasilnya penggunaan matawang Kedah dipertingkat lagi mutu penghasilan dan nilaiann. Setelah beberapa tempoh, matawang Patani diperkenalkan untuk menguruskan aktiviti perdagangan yang melibatkan pedagang asing yang singgah berdagang di pelabuhan Kedah Tua. Matawang jenis ini terdiri daripada dua jenis iaitu syiling emas yang disebut dinar dan kupang yang mewakili suku dinar. Penggunaan matawang Patani ini telah memansuhkan penggunaan matawang timah disebabkan nilaiannya yang rendah dan mutu penghasilannya yang kurang memuaskan kerana mempunyai ketebalan di bahagian tepi tetapi nipis di bahagian dalam (James Agustin, 1996).

Penggunaan matawang di pelabuhan Kedah Tua sentiasa mengalami penambahbaikan dari semasa ke semasa. Beberapa jenis matawang penting diperkenalkan antaranya adalah seperti matawang Pitis, Kupang, Jempal dan Riyal dengan nilaiann tersendiri. Sistem ini telah membantu merancakkan lagi ekonomi di Kedah Tua sehingga abad ke-18 masihi (Mohd Amin Othman, 2018). (Rujuk jadual 1)

JADUAL 1. Penggunaan matawang di pelabuhan Kedah Tua

Nilai	Persamaan	Nilai Matawang
150 Tera	bersamaan	1 Kupang
4 Kupang	bersamaan	1 Mas

4 Mas	bersamaan	1 Pahan
4 Pahan	bersamaan	1 Tahil
1 Tahil	bersamaan	3 Bahara Emas

SISTEM PERCUKAIAN PERDAGANGAN DI KEDAH TUA

Kerajaan Kedah Tua berada di bawah kekuasaan Kerajaan Srivijaya sekitar abad ke-5 masihi (Nik Hassan Suhaimi 1979, 166). Kekuatan dan kehebatan kerajaan Srivijaya saat itu telah mengubah landskap aktiviti perdagangan di Kedah Tua. Dasar pentadbiran kerajaan Srivijaya telah membantu memperkembangkan lagi sistem percukaian dan perniagaan yang dijalankan di Kedah Tua (Nik Hassan Suhaimi dan Zuliskandar Ramli, 2012, 1. Sistem percukaian yang diperkenalkan ini memberikan keuntungan besar kepada golongan pemerintah dan menjadi sumber kekayaan kepada kerajaan tetapi bayaran yang dikenakan tidak memberi bebanan kepada pedagang (Wolter, 1990). Menurut Sali Razi (1997), sistem peraturan pelabuhan yang terdapat di alam Melayu sangat sistematik. Rentetan itu, Kedah Tua juga berjaya menjadi pelabuhan penting dalam mengendalikan aktiviti perdagangan.

Undang-undang percukaian di pelabuhan Kedah Tua boleh dilihat pada penemuan prasasti dari tahun 1063 hingga 1069 sewaktu Kedah Tua di bawah pemerintahan Hindu-Buddha iaitu Virarajendra Rajakesari (Nik Hassan Suhaimi, 1979). Sistem percukaian pada ketika itu dikendalikan oleh seorang yang berjawatan *Tuhan Vatakvräh* (Nik Hassan Suhami, 1979). Kemasukan sebuah kapal dagang ke pelabuhan Kedah Tua mesti melalui kebenaran *Tuhan Vatakvräh*. Sekiranya kapal dagang tidak mengikuti peraturan pelabuhan dan tidak membayar cukai, kapal berkenaan tidak akan dibenarkan masuk ke pelabuhan Kedah Tua. Kadar bayaran cukai yang dikenakan bergantung kepada tempat asal pedagang. Misalnya, pedagang dari Gujerat kebiasaanya membawa kain bermutu tinggi perlu menyerahkan 100 gulung kain dan 400 duit mas kepada raja (James Agustin, 1996). Sistem percukaian ini mengalami perubahan mengikut era pemeritahan raja yang mememerintah. Apabila Islam memasuki Kedah, peraturan sistem percukaian di pelabuhan berubah pula mengikut tatacara Islam (Mohd Sukki Othman dan Adi Yasran Abdul Aziz, 2012).

KOMODITI DAGANGAN SEBAGAI SUMBER EKONOMI DI KEDAH TUA

Kemunculan Kedah Tua sebagai pusat pelabuhan kuno sudah tentu dipengaruhi daripada hasil keluaran tempatan. Hasil tempatan secara tidak langsung menarik minat pedagang luar untuk mendapatkan keperluan bagi kelangsungan hidup. Rentetan itu, berlaku hubungan interaksi antara pelbagai tamadun dengan kerajaan Kedah Tua. Hasil kajian ahli arkeologi, ahli sejarah, ahli kimia dan ahli kaji bumi menemui pelbagai barang di sekitar Lembah Bujang khususnya dari abad ke-2 masihi sehingga abad ke-14 masihi (Abu Uthman ‘Amr Ibn Bahr Al-Jahiz, 2014)

Penyelidikan ini membahagikan penemuan komoditi Kedah Tua kepada dua bahagian iaitu komoditi hasil tempatan dan komoditi hasil luar. Komoditi hasil tempatan adalah keluaran asli Kedah Tua yang didagangkan keluar ke tamadun lain (eksport), manakala komoditi hasil luar adalah barang yang didagangkan ke Kedah Tua (import). Terdapat lima komoditi utama hasil tempatan Kedah Tua yang dikenalpasti iaitu i) Hasil hutan dan alam, ii) Logam besi, iii) Manik, iv) Batu bata v) Tembikar tanah. Manakala terdapat dua komoditi hasil luar iaitu i) Seramik dan ii) Hasil tangan.

HASIL HUTAN DAN ALAM SEMULA JADI

Kekayaan hasil hutan dan alam merupakan satu kelebihan di Kedah Tua. Sedikit sebanyak ia menjadi penyumbang kepada pemangkin ekonomi menerusi kegiatan perniagaan dan perdagangan Kedah Tua. Terdapat catatan menyatakan ada kapal yang membawa hasil-hasil seperti kayu aloe (Abu Uthman ‘Amr Ibn Bahr Al-Jahiz, 2014) (gaharu), sutera, kayu cendana, rempah dan kapur barus sampai ke Kota Madurai di bawah pemerintahan kerajaan Pandya yang terkenal sebagai kerajaan Chola. (Braddell, R. 1989) Selain itu, pelabuhan Kedah Tua turut muncul sebagai pusat dagangan dan pengedaran komoditi seperti kapur barus, kayu cendana, gading gajah, timah, rempah ratus serta pelbagai hasil komoditi lain yang dibawa hingga ke tanah Arab (Zuliskandar Ramli, 2016).

Berdasarkan kajian arkeologi, masyarakat yang tinggal di pedalaman antaranya di Gunung Baling menjadi pengeluar hasil hutan kepada masyarakat yang tinggal di persisir pantai sebagai tempat pengumpulan hasil alam (Allen Jane, 1997). Hasil alam dari kawasan pedalaman menggunakan perahu melalui anak-anak sungai untuk ke pelabuhan di lembah Merbok dan lembah Muda. Antara perahu yang digunakan adalah Perahu Sagor yang digunakan sejak abad ke-3 masih yang ditemui di Kampung Pulai (Baling), Kuala Ketil dan Sungai Petani. Ia diperbuat daripada batang pokok balak seperti Merbau, Bongor dan Pulai. Hasil hutan dan alam inilah yang didagangkan dan mendapat permintaan daripada pedagang luar (Muzium Arkeologi Lembah Hujang, 2021).



GAMBAR 1. Perahu Sagor Sebagai Pengangkutan Komoditi dari Pedalaman ke Pelabuhan di Sungai Merbok
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah.

LOGAM BESI

Logam besi di Kedah Tua merupakan kekayaan alam yang mendapat permintaan tinggi kerana kualitinya. Banyak tinggalan tapak peleburan besi yang ditemui di sepanjang Lembah Sungai Muda dan Lembah Sungai Merbok. Terdapat juga penemuan tapak-tapak peleburan besi yang

wujud di sekitar Lembah Merbok antaranya Sungai Batu. Hasil kajian arkeologi mendapati ia telah wujud sejak abad pertama masihi lagi. Terdapat empat tapak peleburan besi dengan pentarikhan berbeza yang di Sungai Batu menggambarkan bahawa ekonomi masyarakat di sini antaranya berasaskan industri besi yang ditemui antara abad pertama hingga ke-13 masihi (Faramasrine Mat Nawi, Zulfadila Berhaudin, et.al, 2011).

Tapak peleburan besi juga turut ditemui di daerah Jeniang yang dipercayai wujud sekitar abad ke-4 masihi atau ke-5 masihi (Faramasrine Mat Nawi, Zulfadila Berhaudin et.al, 2011). Walaupun tapak peleburan besi di kawasan Jeniang jauh dari kawasan pesisir pantai, namun kawasan tersebut boleh dihubungkan oleh Sungai Muda untuk ke Lembah Bujang. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa aktiviti peleburan besi ini tidak hanya tertumpu di kawasan pelabuhan, tetapi aktiviti ini turut berlangsung di tapak kerajaan Kedah Tua. Walau bagaimanapun, aktiviti dagangan dan jual beli berlangsung di kawasan pelabuhan Lembah Bujang (Ibrahim Bakar Langkawi dan Mohd Kasri Saidon, 2016).

Kerajaan Kedah Tua berperanan sebagai pengeluar manik Indo-Pasifik berdasarkan taburan beribu-ribu manik kaca dan manik biasa di kawasan Lembah Bujang dan kawasan sekitar Sungai Mas. Hal ini dibuktikan dengan penemuan bahan mentah untuk membuat manik pada sekitar abad ke-6 masihi (Nuratikah Abu Bakar dan Zuliskandar Ramli 2018). Hasil kajian saintifik yang dilakukan mendapati bahawa bahan alkali yang terdapat di dalam manik tersebut adalah manik keluaran tempatan (Farhana Abdullah, 2013). Dalam kata lain, pengusaha dan pembuat manik ini adalah dari golongan rakyat tempat yang tinggal di kawasan Sungai Mas atau Lembah Bujang.

Manik-manik ini turut menjadi barang dagangan di pelabuhan Kedah Tua. Berdasarkan kajian geografi dan sosiobudaya mendapati bahawa Sungai Mas sebagai sebuah pusat pengeluaran dan pemprosesan manik Indo Pasifik pada abad ke-6 masihi hingga ke-12 masihi iaitu ketika Lembah Bujang di bawah naungan kerajaan Sriwijaya (Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, et.al, 2011). Walaupun kebanyakan manik yang dijumpai di Lembah Bujang adalah manik Indo Pasifik namun terdapat juga manik yang terdiri dari jenis lain seperti manik polikrom, manik batu separa berharga dan manik logam. Manik jenis ini merupakan barang dagangan yang diperoleh dari luar terutamanya di India, Timur Tengah dan kawasan di Nusantara antaranya manik Graf (Zuliskandar Ramli dan Kamaruddin Zakaria, 2008).



GAMBAR 2. Manik-manik

Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah

BATU BATA

Kesan penggunaan teknologi batu bata boleh didapati dari tinggalan candi-candi yang terdapat dalam kerajaan Kedah Tua. Penggunaan batu bata dalam pembinaan candi di sekitar kawasan Sungai Mas ini bermula sejak abad ke-8 masihi. Namun begitu, terdapat pelbagai jenis batu yang ditemui dalam pembinaan candi di Sungai Mas iaitu batu syal (batu lumpur), batu sabak (batu slate atau metamorf), batu laterit (batu tanah merah), batu granit dan bata (Zuliskandar Ramli & Nik Adzrieman Abd Rahman, 2012). Kepelbagaiannya ini berlaku hasil dari penghijrahan tukang bata dari luar masuk ke Kedah Tua. Mereka membawa kemahiran tersebut dan ia dipelajari oleh masyarakat setempat. Proses pembelajaran dan penggunaan teknologi batu bata ini mengambil proses yang Panjang iaitu sekitar abad ke-6 masihi hingga ke-13 masihi (Zuliskandar Ramli, 2020).

Batu bata turut ditemui di Lembah Merbok, khususnya di Sungai Batu. Kajian arkeologi mendapati binaan candi diperbuat dengan batu bata yang mempunyai saiz yang sama. Walau bagaimanapun, saiz bata di Sungai Batu lebih kecil berbanding di Sungai Mas Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, et.al, 2014). Batu bata ini boleh dilihat pada binaan jeti kuno dan tapak ritual. Hasil kajian saintifik mendapati kandungan bahan mentah batu bata yang ditemui di Sungai Mas, Sungai Bujang, Sungai Batu dan Sungai Terus ini adalah daripada bahan tempatan. (Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, et.al, 2014) Secara tidak langsung, ia menggambarkan ketinggian ketamadunan masyarakat Kedah Tua.



GAMBAR 3. Jenis Batuan Tempatan, Laterite
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah



GAMBAR 4. Jenis Batuan Tempatan, Granik
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah



GAMBAR 5. Seni Bina Pelapik Tiang daripada Batuan Granik, Pelabuhan Antarabangsa
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah

TEMBIKAR TANAH

Masyarakat Kedah Tua pada awalnya menerima hasil tembikar dari Arikamedu juga dikenali sebagai *roulette ware* dari Selatan India (Zuliskandar Ramli, 2020). Walau bagaimanapun ia terhenti apabila masyarakat tempatan dipercayai mempunyai sendiri kemahiran membuat tembikar (Nuratikah Abu Bakar, Zuliskandar Ramli, et.al, 2018). Hasil kajian arkeologi menemui banyak tembikar tanah khususnya di Sungai Mas. Jumpaan tersebut menunjukkan bahawa industri pembuatan tembikar berkembang pesat ketika zaman kegemilangan pelabuhan di Sungai Mas

antara abad ke 5-10 Masihi. Hasil seni tembikar tempatan ditemui sama ada tidak bercorak dan bercorak. Antara corak yang ditemui ialah jalur timbul, geometri, silang-menyalang, berombak dan jalur selari (Nuratikah Abu Bakar dan Zuliskandar Ramli, 2018).

Jane Allen (1988) menyatakan bahawa terdapat 12 tapak artifak yang terdiri daripada tembikar tanah, seramik, kaca, bahan binaan, manik dan batu bersurat. Ini menunjukkan bahawa masyarakat di Sungai Mas telah menghasilkan tembikar dalam kuantiti yang agak besar. Penghasilan tembikar sejak awal ketamadunan manusia menunjukkan ia merupakan keperluan harian yang penting. Secara tidak langsung menggambarkan bahawa tembikar merupakan barang bernilai tinggi dalam interpretasi budaya sesuatu tempat (Zuliskandar Ramli, Farhana Abdullah, et.al, 2011).



GAMBAR 6. Tembikar Tanah dan Serpihan
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah

Jadual 2 merupakan ringkasan kepelbagaiannya hasil komoditi tempatan di Kedah Tua yang telah dikupas pada bahagian sebelum ini.

JADUAL 2. Ringkasan Hasil Komoditi-komoditi Keluaran Tempatan di Kedah Tua

Jenis Dagangan	Tahun/Abad	Tempat Penemuan
Hasil Hutan dan Alam Semula Jadi	Dari awal abad masihi.	Tapak Kerajaan Kedah Tua.
Logam Besi	Seawal abad pertama hingga ke-13 masihi.	Jeniang dan Sungai Batu.
Manik	Abad ke-6 Masihi.	Lembah Bujang khusunya Sungai Mas.
Batu Bata	Abad ke-6 hingga ke-13 masihi.	Sungai Mas, Sungai Batu, Sungai Terus, Sungai Bujang.
Tembikar Tanah	Abad ke-5 hingga ke-10 masihi.	Sungai Mas.

Penemuan artifak di Pengkalan Bujang dan Sungai Mas merangkumi pelbagai bentuk seramik seperti tembikar tanah, kaca, seramik Arab dan seramik China. Kepelbagaian artifak ini merupakan barang luar yang didagangkan kepada masyarakat Kedah Tua antara abad ke-6 hingga ke-14 masih (Adi Hj. Taha, 1991). Penemuan artifak-artifak dari tamadun luar seperti seramik China menunjukkan bahawa terdapat hubungan antarabangsa antara Kedah Tua dengan tamadun China. Antaranya penemuan seramik dari kerajaan Dinasti Tang sekitar abad ke-7 hingga abad ke-14 masih yang ditemui dalam Sungai Mas. Begitu juga seramik Dinasti Song dan Dinasti Yuan pada pertengahan abad ke-10 hingga pertengahan abad ke-14 menggambarkan hubungan perdagangan antarabangsa yang erat (Azman Adam, Nasha Rodziadi Khaw, et.al 2018).

Hubungan perdagangan ini dilihat berlaku secara aktif memandangkan jumlah artifak seramik sangat banyak ditemui di Lembah Bujang. Hasil penemuan ini telah membuktikan bahawa kerajaan Kedah Tua telah pun menjalankan aktiviti perdagangan dengan kerajaan China secara aktif sama ada melalui aktiviti mengimport barang atau pertukaran barang dengan kerajaan negara China.



GAMBAR 7. Manik dari India
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah



GAMBAR 8. Serpihan kaca dari Arab
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah

KESIMPULAN

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa kehidupan masyarakat Melayu di Kedah Tua telah mencapai tahap kehidupan yang maju dari awal abad masihi. Penemuan pelbagai artifak oleh ahli arkeologi membuktikan ketinggian peradaban masyarakat tempatan dari kepelbagaiannya aspek antaranya kemajuan teknologi dan kemahiran tempatan. Dari interpretasi sejarah, keempat-empat faktor iaitu kedudukan geografi Kedah Tua, naungan empayar-empayar besar di alam Melayu, sistem transaksi ekonomi yang baik dan komoditi tempatan menjadi penarik para pedagang luar untuk singgah di Kedah Tua. Secara langsung, faktor-faktor ini menjadi pemangkin kepada kemunculan pelabuhan kuno perdagangan antarabangsa di Kedah Tua antara abad ke-2 masihi sehingga abad ke-13 masihi. Pelabuhan antarabangsa yang menyaksikan kepesatan aktiviti perdagangan dengan tamadun luar suatu ketika dahulu. Kajian ini secara umum memberi implikasi dalam meningkatkan jatidiri bangsa Melayu rentetan Kedah Tua sebagai sebuah kerajaan Melayu lama yang hebat dalam perniagaan dan perdagangan dari awal abad masihi sehingga muncul sebagai pelabuhan kuno antarabangsa.

RUJUKAN

- Abu Uthman ‘Amr Ibn Bahr Al-Jahiz. 2012. *Al-Tabassur Bi Tijarah*. Terj. Adi Setia. *The Book of Insight into Commerce*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Adi Hj. Taha. 1991. Perkembangan Sejarah Awal Negeri Kedah Berdasarkan Penemuan Bahan-Bahan arkeologi. *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman*, Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah. Vol. 36.
- Allen, J. 1988. *Trade, Transportation, and Tributaries: Exchange, Agriculture, and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia*. Tesis Ph.D, Manoa, University of Hawaii.
- Allen, Jane. 1997. Inland Angkor, Coastal Kedah: Landscapes, Susistance Systems, and State Developemen in Early Southeast Asia. *Indo-Pacific Prehistory Association Bulletin*, Vol. 16
- Allen, Jane. 1988. *Trade, Transportation, and Tributaries: Exchange, Agriculture, and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia*. Tesis PhD, University of Hawaii, Honolulu.
- Anita Adnan. 2017. Sejarah Politik Tanah Melayu Sehingga Abad 20, E-Jurnal, Scrib Web, <https://www.scribd.com/document/326702598/KEDAH-TUA> [16 Februari 2021].
- Azlin Samsudin, Tarmiji Masron, Mokhtar Saidin, Jeffrey Abdullah & Saiful Shahidan. 2010. Lembah Bujang, Sebuah Kerajaan Lama Yang Berpusat: Dari Perspektif Sistem Maklumat Geografi (Gis). Dlm. *Prosiding Penanda Arasan Penyelidikan Arkeologi UKM*, Bangi: UKM.
- Azman Adam, Nasha Rodziadi Khaw & Mokhtar Saidin. 2018. Pengalan Bujang As the Entrepot of Ancient Kedah: An Analysis Based on Chinese Ceramics. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(2), 151-168.

- Braddell, R. 1989. A Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca, *Notes of Ancient Time in Malaya Monograf*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of Royal Asiatic Society.
- Faramasrine Mat Nawi, Zulfadila Berhaudin, Mohd Zafri Alif Mahmud, Norhidayati Mohd Mustaza & Mokhtar Saidin. 2011. Bukti Industri Besi Di Kedah Tua. *Prosiding Seminar Antarabangsa Mengungkap Peradaban Asia Tenggara Melalui Tapak Padang Lawas, Sumatera dan Tapak Sungai Batu, Kedah*. USM: Pulau Pinang.
- Farhana Abdullah. 2013. Kepelbagaian Jenis Seramik di Tapak Arkeologi Sungai Mas, Kota Kuala Muda Kedah. Tesis Sarjana, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Bakar Langkawi & Mohd Kasri Saidon. 2016. Kilang Besi Awal Abad Ke-18 Di Kedah: Suatu Tinjauan Ke Bekas Tapak Di Kg Nawa, Tualang, Kedah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. Kedah: UUM.
- J. Kothirithomby Wells. 1990. Introduction: An Overview. *Journal Southeast Asian Studies*. Singapore: National University Singapore.
- J.C. Van Leur. 1965. Asia and Africa: Indonesian Trade and Society: Essay in Asian Social and Economic History. *Journal of International Affairs*, 12(4), 465-468.
- James Agustin. 1996. *Kedah Zaman Silam*. Kedah: Muzium Negeri Kedah.
- Jelani Harun. 2017. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman Sebuah Karya Agung Melayu*. Pulau Pinang: USM.
- Kenneth R. Hall. 1985. *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*. Honolulu: Hawai University Press.
- Laman web rasmi Dewan Bahasa Dan Pustaka.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tengkaras&d=28648&0>
- Leong, S. H. 1990. *Collecting centres, feeder points and entrepots in the Malay Peninsula, c. 1000 B.C. - A.D. 1400*. Singapore: National University of Singapore.
- Mohd Amin Othman. 2018. Sejarah Matawang Dari Era Penjajahan Portugis Sehingga ke Pebentukan Bank Negara Malaysia. *Jurnal Pengguna*, 31, 103-125.
- Mohd Hasfarisham Abd. Halim, Suhana Yusof, Nurashiken Ahmad & Mokhtar Saidin. 2011. Struktur Senibina Jeti atau Pangkalan di Tamadun Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah, Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Mengungkap Peradaban Asia Tenggara Melalui Tapak Padang Lawas, Sumatera dan Tapak Sungai Batu, Kedah*, Pulau Pinang: USM.
- Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. Undang-Undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(1), 1-16.
- Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah.
- Nasha Rodziadi Khaw. 2011. Pensejarahan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi. Disertasi, USM, Pulau Pinang.
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, Tarniji Masron & Zulkifli Laafar. 2008. *Kemerosotan Kedah Tua: Mangsa Percaturan Politik dan Sosioekonomi Dunia Timur (Kurun Ke-13 – 14)*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, Tarmiji Masron & Zulkifli Jaafar. 2009. Kesan Kebangkitan Dinasti Sung-Yuan Kepada Perkembangan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing*.

- Nik Abd Rahman & Kamaruddin Zakaria. 1993. Recent Archaeological Discoveries in Sungai Mas, Kuala Muda, Kedah. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 66(2), 73-80. <http://www.jstor.org/stable/41493225> [28 January 2021].
- Nik Hassan Suhaimi, Zuliskandar Ramli. 2012. *Empayar Melayu Srivijaya: Perkembangan Sejarah, Organisasi Sosial dan Pentadbiran*. Bangi: ATMA
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman & Othman Mohd Yatim. 1992. *Warisan Lembah Buiang*. UKM: Bangi.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman. 1979. Srivijaya: Satu Tinjauan Tentang Organisasi Sosial dan Pentadbiran. *Jurnal Jebat*, 9, 166-172.
- Nuratikah Abu Bakar & Zuliskandar Ramli. 2018. Sungai Mas as Centre Of Governance and Entrepot Port in Bujang Valley Based on Archeological Data. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1), 197-212.
- Nuratikah Abu Bakar, Zuliskandar Ramli, Muhammad Nu'man Mohd Nasir & Siti Salina Masdey. 2018. "The Development of Local Technology in Sungai Mas, Kedah From The 5th To The 10th Century Ad. *International Journal of Mechanical Engineering and Technology (IJMET)*, 9(13), 989-997.
- Rodziadi Khaw, Nazaruddin Zainun & Mohd Mokhtar Saidin. 2015. *Pensejarahan Kedah Tua Satu Kritikan Sumber dan Tafsiran*. Johor: Penerbit UTHM.
- Rodziadi Khaw, Nazaruddin Zainun & Mohd Mokhtar Saidin. 2017. Kedah Tua: Satu Cerakinan Sumber India. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Jil. 30(2), 11-19.
- Sali Razi. 1997. Peranan Local Genius Dan Kesan Dalam Masyarakat Melayu. https://www.academia.edu/25393180/Sejarah_Empayar_Srivijaya [16 Februari 2021]
- Salmi Edawati Yaakob. 2009. Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran wang Dunia. *Jurnal Tamadun*, 4(1), 107-127.
- Tatiana A. Denisova. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wolter. 1990. *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuliskandar Ramli. 2016. Transaksi Perdagangan Hulu dan Hilir Sejak Prasejarah di Kedah Tua, Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi. *Sejarah, Budaya dan Bahasa di Alam Melayu Musantara*. Vol 2. Makassar: Indonesia.
- Zuliskandar Ramli & Kamaruddin Zakaria. 2008. Penemuan Manik di Lembah Bujang. Dalam *Lembah Bujang dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*. ATMA: Bangi
- Zuliskandar Ramli. 2020. Sejarah, Perkembangan Ekonomi dan Hubungan Antarabangsa Kedah Tua dari kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 1(1), 57-86.
- Zuliskandar Ramli & Nik Adzrieman Abd Rahman. 2012. Kerajaan Kedah Tua: Pencapaian dalam Sains dan Teknologi pada Awal Abad Masihi Sehingga 14 Masihi. Dalam *Sains & Teknologi di Alam Melayu*, ATMA: Bangi
- Zuliskandar Ramli & Farhana Abdullah. 2011. Penemuan Seramik China di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 181-199.
- Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman & Ambar Yarm. 2011. Proses Akulturasi Budaya India dan Transformasi Ilmu Masyarakat Melayu Kedah Tua. *Prosiding Kolokium Siswazah Intitut Alam dan Tamadun Melayu*. UKM: Bangi.

- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2012. *Teknologi Pembinaan Candi di Kedah Tua: Perkembangan dan Pentarikhannya*. ATMA: UKM.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2014. Candi Sungai Batu (Tapak SB1): Kearifan Tempatan dalam Teknologi Pembuatan Bata dan Seni Bina Candi. *International of The Malay World and Civilization*, 2(3), 43-50.

Biodata Penulis

Noor Syahidah Mohamad Akhir, merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam kontemporari UiTM Kedah. Kepakaran beliau dalam bidang Sejarah dan Tamadun.

Syaimak Ismail, merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Perlis. Kepakaran beliau dalam bidang Sejarah dan Tamadun.

Aemy Aziz, merupakan pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM cawangan Sarawak kampus Samarahan. Kepakaran beliau dalam bidang Pengajian Islam dan Muamalat.

Muhammad Saiful Islam, merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Kedah. Kepakaran beliau dalam bidang Pengajian Islam dan Muamalat.